

keadaan aku telah ingat apa-apa yang disampaikannya (malaikat). Kadang-kadang Malaikat itu menjelma sebagai seorang lelaki,¹⁴ lalu dia bercakap-cakap denganku dan

dan berlainan. Hadits itu seolah-olahnya mengumpamakan wahyu atau suara malaikat dengan suatu bunyi yang sifatnya adalah seperti sifat loceng yang tersebut tadi. Sudut keserupaan seperti itu jelas dan dima`lumi, kerana itu ia tidak salah dan tidak juga jelik. Di dalam hadits-hadits lain juga sering kali terdapat perumpamaan dan perbandingan sebegini. Lihat saja misalnya hadits berikut: *إِنَّ الْإِيمَانَ لِيَأْرُزُ إِلَى الْمَدِينَةِ كَمَا تَأْرُزُ الْحَيَّةُ إِلَى جُحْرِهَا* Bermaksud: Sesungguhnya iman akan kembali ke Madinah seperti ular kembali ke lubangnya. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan, Ibnu Abi Syaibah, Abu `Awaanah dan lain-lain). Lihat bagaimana Nabi s.a.w. mengumpamakan iman dengan ular. Di satu pihak iman yang begitu mulia dan memberi keamanan kepada jiwa manusia. Di satu pihak yang lain pula ular yang begitu berbisa dan menakutkan sehingga diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w. supaya dibunuh walaupun di tanah Haram. Tentu sekalilah Rasulullah s.a.w. tidak mengumpamakan iman dengan ular daripada segi sifatnya yang menyakiti. Sudut keserupaan di antara iman dan ular yang Baginda s.a.w. maksudkan dengan membuat perumpamaan itu ialah daripada segi kedua-duanya akan kembali ke tempat selamat masing-masing akhirnya, walaupun sebelum itu ia pergi dan sampai entah ke mana-mana. Dalam peristiwa Hudaibiah, apabila sampai di satu tempat (Tsaniyyah) unta Nabi s.a.w. yang bernama Qashwaa' duduk dan tidak mahu berjalan. Walaupun didorong para sahabat supaya bangkit berjalan, ia tetap tidak bangun. Ketika itu berkatalah para sahabat: *خَلَّتْ الْقِصْوَاءُ الْقِصْوَاءَ* Bermaksud: "Qashwaa' telah berdegil, Qashwaa' telah berdegil." Nabi s.a.w. pula berkata: *مَا خَلَّتْ الْقِصْوَاءُ وَمَا ذَلِكَ لَهَا بِخُلُقٍ وَلَكِنْ حَبَسَهَا حَابِسُ الْفِيلِ* Bermaksud: "Qashwaa' tidak berdegil dan bukan begitupun perangnya. Tetapi ia dihentikan oleh Tuhan yang telah menghentikan (tentera ber)gajah (dahulu). (Hadits riwayat al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, Ahmad, Ibnu Abi Syaibah, `Abdur Razzaaq, Thabaraani, Baihaqi dan lain-lain). Di dalam hadits ini Nabi s.a.w. membandingkan unta yang dinaikinya dengan gajah yang dinaiki Abraham. Jauh sekali perbezaan di antara unta nabi al-Qashwaa' dengan gajah Abraham. Lebih jauh lagi perbezaan di antara Rasulullah s.a.w. sendiri dengan Abraham. Bukankah Abraham dengan tentera bergajahnya telah berangkat dari Yaman menuju ke Mekah untuk merobohkan Ka`bah? Dan bukankah Baginda s.a.w. dengan para sahabatnya berangkat dari Madinah ke Mekah untuk tujuan yang suci, iaitu untuk menghormati Baitillah dan mema`murkannya dengan beribadat kepada Allah di sana? Bagaiman pula Nabi s.a.w. boleh membuat perumpamaan dan perbandingan seperti itu? Jawabnya ialah Nabi s.a.w. membuat perbandingan seperti itu semata-mata untuk menonjolkan sudut keserupaan yang telah berlaku dalam dua peristiwa berkenaan. Dalam kedua-dua peristiwa itu kehendak Allah jua yang menghentikan gajah Abraham dan unta Nabi s.a.w. Kehendak Allah jugalah yang telah menghalang kedua-dua golongan tersebut daripada sampai ke destinasiya. Oleh kerana sudut keserupaan di dalam perbandingan ini juga terang dan tidak ada apa-apa yang salah, maka perumpamaan di dalamnya tidak dianggap keji dan jelik. Justeru Rasulullah s.a.w. sendiri telah membuat perumpamaan seperti itu di dalam sekian banyak hadits-haditsnya. Dengan itu dapatlah disimpulkan bahawa kekejian pada musyabbah bih (sesuatu yang diumpamakan dengannya) tidak menjejaskan keelokan musyabbah (sesuatu yang diumpamakan).

¹⁴ Beberapa persoalan mungkin timbul di dalam kepala pembaca apabila sampai di sini. Antaranya ialah: (1) Apakah itu malaikat? (2) Malaikat manakah yang dimaksudkan oleh

Rasulullah s.a.w. di sini? (3) Apakah akan terjadi kepada malaikat apabila ia menjelma sebagai seorang manusia atau sesuatu benda yang lain? Para `ulama` mutakallimin dan kebanyakan `ulama` yang lain menta`rifkan malaikat dengan kata mereka: الملائكة أجسام لطيفة نورانية تتشكل أي شكل أرادوا Bermaksud: "Para malaikat itu adalah jisim halus daripada nuur (cahaya). Mereka boleh berupa dengan apa-apa rupa yang mereka kehendaki." Seseengah `ulama` berpendapat, perkataan الملك di dalam hadits di atas seeloknya dipakai dengan ma`na jenis malaikat. Ini kerana berdasarkan beberapa hadits, malaikat Israfil dan malaikat bukit-bukau atau gunung-ganang (ملك الجبال) juga pernah datang menemui Rasulullah s.a.w. Tetapi kebanyakan `ulama` berpendapat, malaikat yang dimaksudkan di sini ialah malaikat Jibril. Kerana malaikat Jibril ditugas khusus untuk menyampaikan wahyu kepada para rasul, termasuk Rasulullah s.a.w. Sandaran mereka dalam perkara ini antara lainnya adalah firman Allah di dalam tiga ayat dari Surah asy-Syu`araa` ini:

نَزَّلَ بِهِ الرُّوحَ الْأَمِينُ ﴿١٥٠﴾ عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٥١﴾ بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُبِينٍ ﴿١٥٢﴾

Bermaksud: ia (al-Qur`an) dibawa turun oleh Ar-Ruh Al-Amin (malaikat Jibril yang amanah). (193). ke Dalam hatimu, supaya engkau (Muhammad) menjadi salah seorang di antara orang-orang yang memberi peringatan (kepada umat manusia). (194). (ia diturunkan) dengan bahasa `Arab yang jelas. (195). Kedatangan Israfil kepada Rasulullah s.a.w. pula kebanyakannya berlaku hanya di peringkat permulaan kenabian Baginda s.a.w. sahaja. Itu pun bukanlah dengan tujuan menyampaikan wahyu, sama ada berupa al-Qur`an atau selainnya. Demikian juga dengan malaikat bukit-bukau atau gunung-ganang (ملك الجبال). Ia ditemui Rasulullah s.a.w. sekali sahaja setelah Baginda s.a.w. dianiayai penduduk Tha`if dengan teruk sekali. Ketika itu ia dan Jibril muncul di hadapan Rasulullah s.a.w. lalu ia meminta izin daripada Baginda s.a.w. untuk membinasakan mereka dengan menghempapkan dua buah bukit ke atas mereka. Tetapi Nabi s.a.w. tidak mengizinkan. Bukhari dan Muslim adalah antara tokoh hadits yang mengemukakan kisahnya di dalam kitab mereka masing-masing. Lihatlah teksnya ini:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ أَخْبَرَنَا ابْنُ وَهْبٍ قَالَ أَخْبَرَنِي يُونُسُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ ابْنُ شَهَابٍ قَالَ حَدَّثَنِي عُرْوَةُ أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدَّثَتْهُ أَنَّهَا قَالَتْ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَلْ أَتَى عَلَيْكَ يَوْمٌ كَانَ أَشَدَّ مِنْ يَوْمِ أُحُدٍ قَالَ لَقَدْ لَقِيتُ مِنْ قَوْمِكَ مَا لَقِيتُ وَكَانَ أَشَدَّ مَا لَقِيتُ مِنْهُمْ يَوْمَ الْعَقَبَةِ إِذْ عَرَضْتُ نَفْسِي عَلَى ابْنِ عَبْدِ يَالِيلِ بْنِ عَبْدِ كَلَالٍ فَلَمْ يُجِئْنِي إِلَى مَا أَرَدْتُ فَأَنْطَلَقْتُ وَأَنَا مَهْمُومٌ عَلَى وَجْهِهِ فَلَمْ أَسْتَفِيقْ إِلَّا وَأَنَا يَقْرَنُ الشَّعَالِبَ فَرَفَعْتُ رَأْسِي فَإِذَا أَنَا بِسَحَابَةٍ قَدْ أَظَلَّتْنِي فَانظَرْتُ فَإِذَا فِيهَا جِبْرِيلُ فَنَادَانِي فَقَالَ إِنَّ اللَّهَ قَدْ سَمِعَ قَوْلَ قَوْمِكَ لَكَ وَمَا رَدُّوا عَلَيْكَ وَقَدْ بَعَثَ إِلَيْكَ مَلَكَ الْجِبَالِ لِتَأْمُرَهُ بِمَا شِئْتَ فِيهِمْ فَنَادَانِي مَلَكُ الْجِبَالِ فَسَلَّمَ عَلَيَّ ثُمَّ قَالَ يَا مُحَمَّدُ فَقَالَ ذَلِكَ فِيمَا شِئْتَ إِنَّ شِئْتَ أَنْ أَطِيقَ عَلَيْهِمُ الْأَخْشِينَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَلَّ الْجِبَالِ فَسَلَّمَ عَلَيَّ ثُمَّ قَالَ يَا مُحَمَّدُ فَقَالَ ذَلِكَ فِيمَا شِئْتَ إِنَّ شِئْتَ أَنْ يُخْرِجَ اللَّهُ مِنْ أَصْلَابِهِمْ مَنْ يَعْبُدُ اللَّهَ وَحْدَهُ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا Bermaksud: `Aaishah isteri Nabi s.a.w. meriwayakan bahawa beliau pernah bertanya Nabi s.a.w.: "Pernahkah berlalu kepadamu suatu hari yang lebih dahsyat daripada hari Uhud?" Jawab Nabi s.a.w.: "Sesungguhnya aku telah menderita bermacam-macam kesusahan kerana kaummu. Tetapi (gangguan mereka) yang paling dahsyat pernah aku alami ialah pada hari `Aqabah, ketika aku mengemukakan diriku (sebagai pesuruh Allah) di hadapan Ibn `Abdi Yaalil bin `Abdi Kulaal. Dia tidak menyambut baik seruanku. Setelah meninggalkannya, aku keluar dalam keadaan sedih dan tidak tahu ke mana harus dituju. Aku baru sedar setelah berada di Qarni ats-Tsa`alib. Di situ aku mendongak ke atas, lalu aku nampak segumpal awan telah pun menaungiku. Rupa-rupanya Jibril ada di dalamnya.

Dia menyeru daku dengan katanya: “Sesungguhnya Allah telah mendengar apa kata kaummu kepadamu dan apa pula reaksi mereka terhadap seruanmu. Sekarang Dia mengutus malaikat bukit-bukau kepadamu. Engkau boleh menyuruhnya melakukan apa yang engkau mahu terhadap mereka. Malaikat bukit-bukau itu lalu bersuara dengan memberi salam kepadaku (terlebih dahulu), kemudian dia berkata: “ Wahai Muhammad! Terpuang kepadamu, aku akan menurut saja apa kehendakmu. Kalau engkau mahu aku hempapkan dua buah bukit ini ke atas mereka, niscaya akan ku lakukannya.” Maka sahut Nabi s.a.w.: “Jangan, aku bahkan mengharapkan agar Allah mengeluarkan daripada sulbi-sulbi mereka orang-orang yang akan menyembah Allah semata-mata, orang-orang yang tidak akan menyengutukannya dengan sesuatu apa pun. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, an-Nasaa’i, Abu `Awaanah dan at-Thabaraani di dalam al-Mu`jam al-Ausathnya). Kemusykilan ketiga timbul memandangkan banyak sekali hadits Rasulullah s.a.w. menggambarkan saiz tubuh asal Jibra`il adalah sangat besar. Kedatangannya menyebabkan ufuk langit terlindung! Kalau begitu bagaimana pula dia boleh datang dalam rupa sekecil rupa manusia? Beberapa jawapan telah diberikan oleh para `ulama`. Sebahagian daripadanya adalah seperti berikut: (1) Imamul Haramain berpendapat, Jibril boleh menjelma dalam rupa sekecil rupa manusia itu setelah zawaa`idnya (bahagian-bahagian bukan utama daripada tubuh asalnya) dilenyapkan. Setelah selesai menjalankan tugasnya, Allah akan menjadikan semula zawaa`idnya itu. Atau pun zawaa`idnya tidaklah dilenyapkan terus, ia cuma dipisahkan sahaja buat sementara waktu. Setelah selesai menjalankan tugas, Allah menyambung kembali apa yang telah dipisahkan sebelumnya. (2) Syeikh `Izzuddin bin `Abdis Salaam berpendapat, zawaa`id Jibril tidak dilenyapkan terus. Ia hanya dipisahkan buat sementara waktu sahaja. (3) Hafiz Ibnu Hajar menukikan pendapat gurunya Syeikhul Islam al-Bulqiini. Kata beliau gurunya itu berpendapat, apabila Jibril menjelma dalam rupa seorang manusia, dia sebenarnya masih kekal dengan rupa dan kejadian asalnya. Bezanya ialah pada ketika itu dia mengecilkan tubuh asalnya sehingga kelihatan sebesar seorang manusia biasa sahaja. Setelah selesai menjalankan tugasnya, dia akan kembali kepada rupa asalnya. Perbandingannya ialah kapas setelah dibusar dengan pembusar. Ketika itu ia kelihatan besar dan kembang. Kalau ditekan dan ditindih dengan sesuatu yang berat pula ia akan menjadi sangat kecil. Ini menunjukkan sesuatu boleh menjadi besar dan kecil tanpa berkurang atau bertambah apa-apa daripada kejadian asalnya. **Antara perkara yang dibincangkan** oleh para `ulama` tentang Jibril apabila ia menjelma sebagai seorang manusia ialah di manakah terletak rohnya pada ketika itu. Adakah di dalam tubuh asalnya yang mempunyai enam ratus sayap? Kalau begitu, yang datang kepada Rasulullah s.a.w. bukan roh Jibril dan bukan juga tubuhnya. Atau rohnya berada di dalam tubuh manusia jelmaannya? Kalau begitu adakah tubuh asalnya pada ketika itu mengalami kematian atau ia hanya kosong daripada rohnya? Beberapa jawapan telah diberikan. Antaranya ialah: (1) Roh Jibril pada ketika itu berada di dalam tubuh manusia jelmaannya. Namun itu tidak bererti tubuh asalnya mengalami kematian. Keadaannya tak ubah seperti orang yang sedang tidur. Walaupun rohnya pergi entah ke mana-mana, namun tubuhnya tetap tidak mati. Roh orang-orang yang mati syahid juga meskipun berada di dalam tembolok burung berwarna hijau di dalam syurga, ia tetap mempunyai hubungan dengan tubuhnya di bumi. (2) Hukum `aql tidak mewajibkan berlaku kematian apabila roh berpisah dari badan. Sunnatullah atau hukum `adat jua yang menentukan kematian berlaku dalam keadaan itu. Allah bagaimanapun tetap berkuasa melakukan sebaliknya. (3) Hafiz Ibnu Hajar berpendapat, apabila Jibril menjelma sebagai

aku pula mengingati apa yang diucapkannya.¹⁵ `Aaishah bercerita, katanya: “Sesungguhnya aku pernah melihat Baginda s.a.w. ketika turun wahyu pada hari yang

manusia, itu tidak bererti ia betul-betul telah menjadi manusia. Ia cuma muncul dalam rupa manusia dengan tujuan menjinakkan orang yang hendak dihubungnya. Dalam keadaan itu zawa`idnya (bahagian-bahagian bukan utama daripada tubuh asalnya) tidak lenyap atau musnah, malah ia tersembunyi saja daripada pandangan orang. (4) Ta`rif malaikat yang diberikan sebelum ini sudah jelas menunjukkan para malaikat itu jisim halus daripada cahaya yang boleh berupa dengan apa-apa rupa yang dikehendaki mereka. Kalau begitu bagaimana akan ada lagi kemustahilan Jibril datang kepada Rasulullah dalam rupa seorang lelaki! Perbincangan tentang sama ada zawa`idnya lenyap musnah atau tidak dan sama ada ia datang dengan rohnyanya sahaja atau dengan roh dan jasadnya sudah tidak begitu bererti lagi. Tambahan pula tersebut dengan jelas di dalam al-Qur`an dan as-Sunnah bahawa Jibril telah datang kepada Rasulullah s.a.w. dalam berbagai-bagai rupa, maka seharusnya diterima saja kenyataan itu tanpa mempersoalkan kaifiatnya. Jalan tafwidh (menyerahkan hakikatnya kepada Allah) sahaja sebaiknya diambil apabila berhadapan dengan perkara-perkara seperti ini. **Seperkara lagi yang perlu** sangat diperjelaskan ialah tentang pertentangan di antara apa yang tersebut di dalam hadits ini dengan apa yang tersebut di dalam hadits-hadits lain berhubung dengan bunyi wahyu yang kedengaran itu. Hadits ini menyatakan bunyinya adalah seperti bunyi gemercing loceng. Hadits yang lain pula ada menyatakan bunyinya adalah seperti bunyi rantai besi yang diseret atau dihempapkan di atas batu besar yang pejal. Lihatlah misalnya hadits yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah ini: إِذَا فَضَى إِذَا فَضَى اللَّهُ أَمْرًا فِي السَّمَاءِ ضَرَبَتْ الْمَلَائِكَةُ أَجْنِحَتَهَا خُضْعَانًا لِقَوْلِهِ كَأَنَّهُ سَلْسَلَةٌ عَلَى صَفْوَانٍ Bermaksud: Apabila Allah memutuskan sesuatu perkara di langit, para malaikat mengepak-gepakkan sayapnya lantaran tunduknya mereka kepada firmanNya. Ia (firman Allah itu) bagaikan rantai besi yang diseret atau dihempapkan di atas batu besar yang pejal. (Hadits riwayat Bukhari, Tirmizi, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan dan al-Humaidi). Satu lagi hadits menyatakan bunyinya adalah seperti bunyi dengungan kumpulan lebah yang terbang. Lihat hadits yang diriwayatkan oleh `Umar ini pula sebagai contohnya: إِذَا نَزَلَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْوَحْيُ يُسْمَعُ عِنْدَ وَجْهِهِ نَوِيٌّ كَنَوِيِّ النَّحْلِ Bermaksud: “Apabila wahyu turun kepada Rasulullah s.a.w., kedengaranlah dekat muka Baginda s.a.w. dengung seperti dengung kumpulan lebah.” (Hadits riwayat Ahmad, Tirmizi, Haakim, `Abd bin Humaid dan lain-lain). Pada zahirnya terdapat pertentangan di antara tiga hadits tersebut. Tetapi jika diperhatikan betul-betul, tidak ada pun pertentangan di antara ketiga-tiga hadits itu. Sebabnya ialah hadits al-Haarits bin Hisyaam menceritakan tentang bunyi wahyu yang kedengaran kepada Rasulullah s.a.w. Hadits Abu Hurairah menceritakan bunyi wahyu yang kedengaran kepada malaikat dan hadits yang ketiga itu pula menceritakan tentang bunyi wahyu yang kedengaran kepada sesetengah sahabat yang berada berhampiran dengan Rasulullah ketika Baginda s.a.w. mendapat wahyu.

¹⁵ Bentuk kedatangan wahyu yang seterusnya ialah melalui malaikat yang menjelma dalam rupa fizikal seorang manusia. Biasanya dengan rupa individu yang tidak dikenali. Namun, kerap kali juga Jibril datang dalam rupa Dihyah al-Kalbi r.a. Riwayat hadits dan sejarah menyebutkan, rupa paras Dihyah r.a. mirip dengan Rasulullah s.a.w. Itulah antara sebabnya kenapa Nabi s.a.w. sentiasa memilih beliau sebagai utusan, termasuklah untuk menemui Hercules di Rom. Sebuah riwayat di dalam Sahih Bukhari menceritakan bahawa apabila terpancang sahaja rupa Dihyah r.a.,